

KERATAN : Utusan Borneo TARIKH : 21.09.2014
: _____ M/S : (B5)

Azridah penulis wanita yang

UB 21/9/14
(B5)

makin menyerlah

► Sekitar pelancaran novel dan antologi puisi

Oleh MOHD NURAZWAN
AUGUSTINE

“AKHIRNYA, segala usaha, penat jerih dan tangisan saya selama ini telah dibayar dengan kegembiraan dan kebahagiaan ini,” luah Azridah PS Abadi, penulis wanita yang makin menyerlah.

Penulis yang cukup gigih ini baru sahaja menerbitkan sendiri novelnya berjudul *Tuhan Berikan Aku Cinta* (TBAC) dan telah dilancarkan di Airport View Hotel baru-baru ini oleh Pengarah Kastam

Sabah yang juga Ahli Kehormat Ikatan Penulis Sabah dan Pengerusi Eksekutif INPES Dato’ Dr Janathan Kandok.

Kejayaan Azridah menghasilkan novel ini wajar diberikan perhatian seiring gelombang kebangkitan penulis wanita khususnya dari Sabah yang begitu ketara sejak akhir-akhir ini.

Kerjayanya sebagai seorang guru selain aktif dalam persatuan sebagai Ketua Penerangan IPS tidak menjadi halangan buatnya menyiapkan novel setebal 300 muka surat ini. Berkat bimbingan dan

sokongan berterusan daripada rakan-rakan penulis terutama sekali Azmah Nordin penulis prolific yang tidak asing lagi di peringkat nasional, nyata membuah hasil.

“Sesungguhnya, tiada yang mustahil untuk dilakukan. Apa yang penting adalah usaha dan niat yang ikhlas dan janji yang diamanahkan kepada diri sendiri dan orang lain. “Hari ini, saya mampu tersenyum, kerana Janji saya telah tertunai kepada Allahyarham R Hamzah Dua untuk menghasilkan novel TBAC.

“Buat sifu Azmah Nordin

ilmu yang dicurahkan tak ternilai harganya. Terima kasih sifu,” kata Azridah lagi.

Turut dilancarkan ialah antologi puisi *Mengenang R. Hamzah Dua* terbitan Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA) yang diselenggarakan oleh Dr. Norhayati Ab. Rahman serta beliau sendiri.

Hadir sama dalam majlis pelancaran itu termasuklah Ketua Satu IPS Hasyuda Abadi, Ketua Dua Abd. Naddin Hj. Shaiddin dan Pegawai Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sabah Rita Yahya serta

rakan-rakan penulis sekitar Sabah dan Labuan.

Azridah Ps Abadi @ Idah Zarizah atau nama sebenarnya, Junaidah Parudin, merupakan seorang penulis kreatif yang berasal dari daerah Sandakan.

Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Pengajaran Sekolah Rendah dari Open Universiti Malaya, lebih cenderung kepada genre cerpen dan novel selain baru berjinak-jinak dengan penulisan puisi setelah menghadiri Bengkel Penulisan sentuhan Prof. Madya Dato Lim Swee Tin.

Selain itu, beliau juga minat dalam penulisan skrip drama dan filem yang mana ‘*Bahagia Di pintu Derita*’ dan ‘*Biarkan dia pergi*’ merupakan skrip drama radio beliau yang telah tersiar di Radio Malaysia Sandakan.

Begitu juga cerpen dan puisinya pernah disiarkan di Radio Malaysia Sandakan dan Sabah. Untuk media cetak pula, karya pertamanya


yang terbit di akhbar ialah, ‘*Lerainya Cinta Runtuhnya Mahligai*’ pada tahun 1994.

Penerbitan novel TBAC bukan sahaja mampu

memperkuh nama Azridah dalam arena kesusasteraan malah memperkayakan lagi khazanah sastera di negara ini.



(Gambar bawah) **AZRIDAH** bersama rakan-rakan penulis.



(Gambar kanan) **AZRIDAH** duduk bersama Dr Norhayati (dua kanan), dan Azmah Nordin (tiga kanan).




HASYUDA menyampaikan cendera-mengenal kepada Janathan pada majlis itu.



(Gambar atas) **AZRIDAH** (depan, tiga kiri) bergambar kenangan bersama para penulis yang hadir selepas majlis pelancaran itu.

MAT Congo
mengajukan
soalan ketika
bicara karya.



DEKLAMASI puisi
oleh Puad Bebit.



SEBAGIAN
rakan penulis
yang hadir.